

Kuala Terengganu: Kebiasaannya penduduk sibuk menyelamatkan barangan penting apabila mengalami banjir, namun situasi berbeza dilakukan seorang penduduk yang mengambil peluang menangkap ikan.

Wan Omar Wan Abg Bakar, 49, berkata, dia tidak akan melepaskan peluang menangkap ikan yang dihanyutkan air setiap kali

banjir berlaku di kawasan rumahnya termasuk mengharungi air paras dada.

Menurutnya, ini berikutan kawasan rumahnya di Kampung Kebor Besar, Manir di sini, dinaiki air sejak pagi Isnin lalu selepas hujan lebat berlarutan seharian.

Tangkap ikan dihanyut bah

“Saya tidak perlu pergi jauh untuk menahan pukut bagi menangkap ikan seperti ikan turbo, lapang, baung, keli, haruan dan puyu yang dibawa arus banjir’ dengan menahan pukut di tepi dan belakang rumah.

“Sejak kecil, saya menjalankan aktiviti itu ketika

musim banjir demi kepuasan diri dan hobi,” katanya.

Menurutnya, kebiasaannya dia akan menjual hasil yang diperolehi kepada rakan terdekat selain kegunaan sendiri disebabkan harga ikan laut melambung ketika musim tengkujuh.